

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

ACIS

HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 77 2600 8280 01

Kematian yang dicemburui

Oleh:

Siti Nurhidayah binti Md Tahir

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Nurul Atikah Binti Poniran

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Kematian adalah satu ketetapan Allah SWT yang pasti akan dihadapi oleh setiap makhluk yang bernyawa. Namun, kematian di tempat yang mulia dan dalam keadaan yang mulia sering kali dianggap sebagai satu bentuk kematian yang dicemburui dalam Islam. Salah satu bentuk kematian yang sangat dicemburui oleh umat Islam adalah meninggal dunia ketika menunaikan ibadah haji.

Mekah dan Madinah adalah dua kota suci yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam. Menunaikan haji di Mekah, terutama sekali meninggal dunia di Tanah Haram, dianggap sebagai satu keberuntungan yang besar. Ini kerana Mekah adalah tempat di mana Kaabah, Rumah Allah, berada. Jutaan umat Islam dari seluruh dunia berkumpul untuk menunaikan ibadah haji.

Meninggal dunia dalam keadaan menunaikan ibadah, terutama ibadah haji, adalah satu kematian yang mulia. Ibadah haji adalah satu rukun Islam yang dituntut dan penuh dengan makna spiritual yang mendalam. Seseorang yang meninggal dunia ketika sedang menunaikan haji dianggap berada dalam keadaan yang dekat dengan Allah SWT, sedang melaksanakan kewajiban agama yang besar dan penuh ketakwaan.

Pertama, Allah SWT memberi pahala dan balasan kebaikan. Apabila seorang Muslim keluar dari rumahnya dengan niat menunaikan ibadah haji, kemudian dia meninggal dunia sebelum menyempurnakannya atau memulainya, maka ganjarannya telah diletakkan di sisi Allah SWT.

Maka Allah SWT berfirman dalam surah An-Nisa' Ayat 100 bermaksud *"Dan barangsiapa berhijrah di jalan Allah, nescaya mereka akan mendapati di bumi ini tempat hijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Barang siapa yang keluar daripada rumahnya dengan maksud berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya, kemudian kematian menimpanya (sebelum sampai ke tempat yang dituju), maka sesungguhnya, pahala telah ditetapkan di sisi Allah. Dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang."*

Begitu juga yang terdapat di dalam hadis yang sahih Bukhāri, Hadith no 7062 bermaksud Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda; *"Allah SWT berfirman: 'Apabila hamba-Ku berniat untuk melakukan kejahatan, maka janganlah kamu mencatatnya atasnya sehingga dia melakukannya. Sekiranya dia melakukannya, maka catatlah satu dosa atasnya. Tetapi jika dia meninggalkannya kerana mengingati Aku, maka catatlah satu kebaikan untuknya. Dan apabila dia berniat untuk melakukan kebaikan tetapi tidak melakukannya, maka catatlah satu kebaikan untuknya. Sekiranya dia melakukannya, maka catatlah untuknya sepuluh kali ganda hingga tujuh ratus kali ganda."*

Kedua, Allah SWT memberi khusnul khatimah di akhirat kelak. Apabila telah ditetapkan bahawa pahala itu tetap diperoleh bagi seseorang yang meninggal dunia dengan niat melakukan amalan yang diharuskan (sebelum sempat menyempurnakannya, maka individu tersebut telah memulakan ibadah haji kemudian meninggal dunia sebelum sampai di Arafah, jika meninggal dalam keadaan berihram, maka beliau akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan melafazkan talbiah (labbaik..) sepertimana disebutkan oleh Ibn Abbas. *"Ibnu Abbas r.a. berkata: ketika seseorang lelaki sedang wukuf di Arafah, dia terjatuh dari unta tunggangannya sehingga lehernya patah atau ia berkata bahawa dia dilempar (oleh unta tunggangannya) hingga lehernya patah. Maka Nabi Muhammad SAW bersabda: "Mandikanlah dia dengan air dan daun bidara, kafankanlah dia dengan dua helai kain, tidak dipakaikan dengan wangian, tidak tutup kepalanya, kerana sesungguhnya Allah SWT akan membangkitkannya pada hari kiamat dalam keadaan dia akan berkata 'Labbaik'. (Bukhāri, Hadith no. 1206)*

Menurut Ibn Battāl di dalam sahihnya, "Sharh Sahih al Bukhāri li Ibn Battāl", hadis ini memberi pengajaran bahawa sesiapa yang memulai sesuatu amalan ketaatan dengan niat yang benar kerana Allah SWT, kemudian meninggal dunia sebelum dapat menyempurnakannya, maka diharapkan Allah SWT akan mengurniakan ganjaran kepadanya di akhirat kelak sebagai golongan yang melakukan amalan tersebut. (Ibn Battal, 2003, Jilid 4, m/s522, Bāb al-Muhrim Yamūt Bi Arafah) Maka, tidak wajib menqadakan (menggantikan) ibadah haji bagi seseorang yang meninggal dunia sebelum menyempurnakan ibadah haji, memandangkan Nabi Muhammad SAW tidak memerintahkan untuk menqada' haji bagi lelaki yang meninggal dalam keadaan berihram. Syeikh al-Allāmah Muhammad bin Sālih al-'Uthaymeen, *"Jika seseorang yang mengembara untuk menunaikan ibadah haji meninggal dunia sebelum meninggalkan kawasan tempat tinggalnya, maka dia tidak dikira sebagai haji. Namun, Allah Azza wa Jalla akan memberinya ganjaran atas usahanya. Sebaliknya, jika dia meninggal dunia setelah berihram (memakai pakaian ihram untuk haji), maka dia dikira sebagai haji berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW mengenai kisah lelaki yang dilempar oleh unta tunggangannya hingga lehernya patah semasa wukuf di Arafah (kemudian dia meninggal dunia), lalu Baginda bersabda; mandikanlah dia dengan air dan daun bidara, kafankan dia dengan kain pakaiannya, tidak dipakaikan dengan minyak wangi, tidak tutup kepalanya. Sesungguhnya dia akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan melafazkan talbiah. dan Baginda tidak memerintahkan mereka untuk menqada' hajinya, dan ini menunjukkan bahawa dia dianggap sebagai orang yang telah menunaikan haji. (Ibn Uthaymeen, Jilid 21, m/s252)*

Kesimpulannya, meninggal dunia semasa melaksanakan ibadah haji adalah satu kemuliaan kerana ia merupakan bentuk kematian yang diidamkan oleh setiap Muslim. Namun, kemuliaan ini hanya diberikan kepada mereka yang meninggal dalam ketaatan dan tidak dalam keadaan maksiat atau melanggar perintah Allah SWT. Oleh itu, menjadi harapan setiap Muslim untuk meninggal dunia dalam keadaan yang direzhai Allah, sama ada ketika menunaikan ibadah haji mahupun dalam keadaan lain yang mencerminkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Semoga kita semua tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang beruntung di dunia dan di akhirat dengan mendapat Rahmat, keampunan dan keredhaan-Nya. Insya-Allah.